

## **SITA Bantu Lancarkan Operasi Klia2**

**Bernama**

**Jun 21, 2014**

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- SITA, pakar komunikasi dan IT pengangkutan udara utama dunia telah membantu melancarkan operasi penerbangan dan penumpang di terminal lapangan terbang baharu Kuala Lumpur, klia2, kata Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB).

Pengendali lapangan terbang itu dalam satu kenyataan berkata platform AirportConnect Open SITA yang mengautomasikan pemprosesan penumpang bagi terminal itu, yang dibuka secara rasmi pada 2 Mei, membantu lapangan terbang tersebut dan syarikat penerbangan menyediakan perkhidmatan terbaik.

Sistem Kawalan Perlepasan SITA mengurangkan kerumitan daftar masuk dan berlepas, dan penyelesaian bagasinya, BagManager dan BagMessage, menambah baik kecekapan pemprosesan bagasi, membantu memastikan perlepasan tepat pada masa kata syarikat itu.

MAHB berkata AirportConnect Open menguasai lebih 70 peratus bahagian pasaran dalam kalangan lapangan terbang seluruh dunia yang melaksanakan prasarana pengguna biasa.

Di seluruh dunia, lebih 300 syarikat penerbangan menggunakan AirportConnect Open SITA untuk memproses berjuta-juta penumpang setiap hari di lebih 400 lapangan terbang.

Pengurus Besar bahagian Perkhidmatan Operasinya Datuk Azmi Murad berkata semua syarikat penerbangan - Air Asia, Malindo, Cebu and Tiger - sudahpun menggunakan sistem itu.

Beliau juga menjelaskan bahawa di Malaysia, sama seperti di kebanyakan negara-negara lain, pihak berkuasa Imigresen melakukan pemeriksaan pengesahan terhadap pangkalan data yang dibekalkan oleh Interpol.

"Mereka melakukannya di KLIA utama dan klia2, menggunakan kaedah salinan keras dan salinan perisian sendiri, buat masa ini.

"Versi dalam talian dijangka siap dalam masa sebulan atau lebih. Jika sesebuah syarikat penerbangan mahu, kios boleh melakukan pemeriksaan seumpama itu sebaik sahaja syarikat penerbangan membenarkannya dan menyediakan aplikasi/perisian sedemikian," katanya.

Sementara itu dalam perkembangan lain, perkhidmatan daftar masuk kiosk AirAsia di klia2 akan ditamatkan bermula 10 pagi 22 Jun, kata syarikat itu.

Keputusan menamatkan perkhidmatan daftar masuk kios itu adalah disebabkan sistem daftar masuk dalaman syarikat penerbangan tersebut tidak sesuai dengan sistem yang diguna pakai oleh pengendali lapangan terbang itu di klia2.

Akibatnya, syarikat itu tidak dapat menyediakan perlindungan perjalanan yang sama menerusi daftar masuk kiosk kepada semua penumpang yang berlepas dari klia2, dan ini akan mengkompromikan keselamatan dan standard keselamatan yang dilaksanakan syarikat penerbangan itu menerusi penyepaduan sistemnya dengan sistem INTERPOL I-Checkit.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048271>